

14/07/1998

Pendekatan baru atasi masalah KLIA

SERI KEMBANGAN, Isnin - Operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kini menggunakan pendekatan berorientasikan masalah secara harian bagi mengenal pasti setiap kelemahan sebelum tindakan penyelesaian segera diambil.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata pendekatan itu nyata membantu dalam memastikan operasi dan pengendalian KLIA berjalan lancar, seperti yang dibuktikan sejak dua minggu lalu.

"Melalui pendekatan itu, kami akan mengkaji semula secara harian semua sistem operasi KLIA supaya sebarang masalah yang timbul semalam dapat diatasi hari ini bagi menghalang kelemahan itu daripada berulang," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan singkat ke Ekspo Cintai Malaysia '98 di The Mines, di sini, hari ini.

Ekspo itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

Pameran yang akan berakhir pada 19 Julai itu disertai pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang memperkenalkan barangan buatan tempatan, daripada produk bahan makanan hingga ke kejuruteraan dan elektronik.

Dr Ling berkata, Malaysia Airports Berhad (MAB) akan mempengerusikan mesyuarat harian itu yang turut disertai pelbagai pihak yang terbabit dalam pengendalian operasi KLIA, seperti Penerbangan Malaysia dan Airport Limo.

"Mereka kemudian menyerahkan minit mesyuarat itu kepada saya untuk diteliti. Bagaimanapun, saya tidak memanggil pendekatan itu sebagai post-mortem, tetapi sekadar mengkaji semula.

"Tindakan itu akan membolehkan setiap kelemahan dan kekuatan dinilai," katanya sambil menafikan kerajaan terpaksa menggunakan perunding bebas bagi mengenal pasti punca masalah di KLIA pada dua hari pertama operasi.

KLIA yang berharga RM9 bilion dan dibuka pada 30 Jun lalu menghadapi masalah apabila beberapa sistem utama gagal berfungsi sepenuhnya sehingga menyebabkan penumpang terkandas apabila berlaku kerosakan pada Sistem Pemrosesan Pendaftaran Masuk Penumpang (PCPS).

(END)